

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 50 RABU 12HB. DISEMBER, 1973. 1393 ذوالقعدة 17 رابو PERCHUMA

12 BUAH KERUSI DI-WAKAFKAN KAPADA MAJLIS UGAMA ISLAM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Ugama Islam telah menerima 12 buah kerusi yang di-wakafkan oleh tiga orang terdiri dari Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail, Pemangku Menteri Besar; Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar, Pemangku Setia Usaha Kerajaan dan Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Talib bin Derwish, Pengarah Kerja Raya.

Kerusi2 tersebut telah di-serahkan oleh Awg. Haji Mohamad Tahir bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar selaku wakil mereka dan di-terima oleh Awang Ibrahim bin Haji Tinggal, Setia Usaha Majlis Ugama Islam, sa-bagai wakil Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam pada minggu lalu.

Kerusi2 tersebut ada-lah di-wakafkan khas bagi di-gunakan untuk khatib2 membaca khutuk di-mesjid2 di-seluruh negeri ini. Empat buah kerusi itu untuk mesjid2 kampung di-Daerah Brunei dan Muara; 4 buah untuk mesjid2 kampung di-Daerah Tutong; 2 buah untuk mesjid2 kampung di-Daerah Belait dan 2 buah untuk mesjid2 di-Daerah Temburong.

Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awg. Haji Mohamad Zain bin Haji Serudin menguchapkan terima kasih di-atas wakaf tersebut dan mengharapakan wakaf yang sa-umpama ini akan dapat di-terima lagi dari orang2 Islam di-negeri ini.

Temuduga

KUALA BELAIT. — Sa-ramai 195 orang pemohon untuk memasuki krusus City and Guilds di-Sekolah Pertukangan Kejuruteraan Jefri Bolikiah Kuala Belait akan di-temuduga dalam minggu ini.

Pemohon2 itu akan di-temuduga pada 12hb., 13hb. dan 15hb. Di-seMBER bertempat di-sekolah tersebut mulai jam 8.00 pagi.



Awang Ibrahim bin Haji Tinggal (kiri) ketika menerima kerusi yang di-wakafkan oleh Pemangku Menteri Besar, Pemangku Setia Usaha Kerajaan dan Pengarah Kerja Raya yang di-sampaikan oleh Awg. Haji Tahir sa-bagai wakil penderma2 itu. — Gambar JHEU/BP.

Kongres Agong Tahunan M.B.B. di-adakan pada 1hb. Januari

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kongres Agong tahunan perwakilan belia akan di-adakan pada 1hb. Januari hadapan di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan.

Sa-orang juruchakap Majlis Belia2 Negeri Brunei meminta semua persatuan2 belia supaya menghantar perwakilan tetap, yang terdiri dari Yang Di-Pertua, Setia Usaha Agong, Bendahari dan beberapa orang pemerhati ka-kongres itu.

Juruchakap itu juga meminta persatuan2 belia supaya menghantar chadangan2 yang berfaedah untuk di-jadikan kertas kerja bagi di-bincangkan dalam kongres itu nanti.

Semua chadangan2 itu hendak-lah sampai kepada Setia Usaha Agong Tertinggi Majlis Belia2, di-alamat peti surat 346, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari 30hb. Disember.

Perwakilan2 dan pemerhati2 dari persatuan2 belia yang bergabung dengan Majlis Belia2 di-Daerah Belait, Temburong dan di-kawasan2 pendalaman yang akan menghadhiri kongres itu, di-benarkan tinggal di-asrama Pusat Belia Bandar Seri Begawan pada 31hb. Disember.

Chara kawalan imigeresen di-H.K. boleh di-praktikan di-sini — Awg Yaakub

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga orang pegawai dari Jabatan Imigeresen Brunei yang di-ketuai oleh Timbalan Pengawal Imigeresen, Awang Yaakub bin Ahmad telah pulang ka-Brunei baru2 ini setelah menghadhiri satu kursus sa-lama sa-bulan mengenai kerja2 imigeresen di-Hong Kong dan Singapura.

Dua orang pegawai yang lain ia-lah Awang Abdul Latif

Majalah Belia keluaran ke-6

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kebajikan Masyarakat akan menerbitkan Majalah Belia keluaran keenam awal tahun hadapan.

Majalah Belia itu antara lain mengandongi laporan2 tentang kegiatan2 persatuan2 belia dan kebajikan di-seluruh negeri sepanjang tahun ini.

Sa-orang juruchakap Jabatan Kebajikan Masyarakat menasehatkan Setia Usaha

(Lihat muka 8)

bin Abdul Rahman, seorang Pegawai Kanan Imigeresen dan Awang Abdul Razak bin Haji Abu Hanifah, seorang Pegawai Paspot.

Awang Yaakub berkata, kursus singkat yang mereka hadhiri itu ada-lah bersesuaian dan berguna dan sa-tengah dari chara2 atau sistem kawalan imigeresen di-negara2 itu dapat di-praktikkan di-negeri

(Lihat muka 8)

629 ORANG JEMAAH HAJI BERLEPAS KA-MEKAH



GAMBAR ATAS: Sa-bahagian dari jemaah2 haji dalam rombongan kedua menunggu giliran untuk menaiki kapal terbang yang di-sewa khas itu.

GAMBAR KIRI: Jemaah2 haji menaiki kapal terbang sambil melambai2kan tangan untuk mengucapkan selamat tinggal kepada saudara mara mereka buat sementara waktu.

SA-RAMAI 629 orang jemaah haji Brunei telah bertolak ka-Mekah dalam dua penerbangan khas pada minggu lalu.

Kapal terbang jenis 'L — 1011 TriStar' kepunyaan Court Line Aviation Limited membawa 401 orang jemaah haji dalam rombongan pertama pada hari Isnin 3hb. Disember manakala pada hari Rabu kapal terbang yang sama membawa sa-ramai 228 orang jemaah haji.

Jemaah2 haji yang bertolak pada 3hb. Disember di-jadualkan pulang sa-telah selesai menunaikan fardhu haji pada 24hb. Januari sementara jemaah2 haji yang bertolak pada 5hb. Disember di-jadualkan tiba di-Brunei pada 28hb. Januari, 1974.

Sementara itu sa-puchok kawat yang di-terima oleh Jabatan Hal Ehwal Agama menyatakan bahawa semua jemaah2 haji yang bertolak dengan kapal terbang itu telah selamat sampai di-Jeddah.

Lebih 30 orang di-daftar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-takat ini Jabatan Kebajikan Masyarakat Brunei telah menerima pendaftaran lebih dari 30 orang peserta untuk menyertai kursus pimpinan belia yang akan di-adakan di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan dari 18hb. hingga 31hb. Disember ini.

Setia Usaha persatuan Belia yang belum lagi menghantar borang2 untuk menyertai kursus tersebut hendaklah menghantar ka-Jabatan Kebajikan Masyarakat Brunei, di-Bandar Seri Begawan dengan sa-berapa segera.

Bintang Radio: 237 peserta masuk bertanding

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 237 orang penyanyi termasuk 52 orang wanita akan mengambil bahagian dalam Pertandingan Bintang Radio 1973. Pertandingan itu di-anjarkan oleh Perkhidmatan Melayu Radio Brunei.

Setia Usaha Pertandingan itu menyatakan bahawa pemilihan pertama akan di-adakan di-stadio Radio Brunei di-Bandar Seri Begawan pada 14hb. dan 16hb. Disember mulai jam 9.00 pagi. Sa-jumlah 117 orang peserta dari Daerah Brunei/Muara dan Temburong akan mengambil bahagian dalam saringan pertama itu.

Pemilihan kedua bagi 30 orang peserta dari Daerah Tutong akan di-adakan pada 21hb. Disember di-Dewan Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, Tutong mulai jam 9.00.

Bagi 32 orang peserta dari

Daerah Belait, pemilihan akan di-adakan pada 23hb. Disember bertempat di-stadio Radio Brunei Kuala Belait mulai jam 9.00 pagi.

Peraduan saparoh akhir akan di-adakan hujung bulan ini dan peraduan akhir di-jadualkan akan di-adakan dalam pertengahan bulan Januari hadapan.

Bilangan peserta tahun ini ada-lah yang paling banyak di-bandingkan dengan bilangan peserta di-tahun2 yang sudah. Pada tahun lalu hanya 119 orang memasuki pertandingan tersebut.

**MENDERMA-LAH
KAPADA TABONG
PEMBINAAN
STADIUM**

3,320 orang masuk sekolah tahun depan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Semua sekolah2 Melayu, agama dan maktab2 di-seluruh negeri akan di-tutup mulai 21hb. Disember ini, kerana chuti akhir tahun persekolahan dan di-buka semula pada 2hb. Januari tahun depan.

Sementara itu, sa-ramai 3,320 orang murid baru termasuk 1,620 orang perempuan akan masuk ka-sekolah2 ren-

dah Melayu tahun depan.

Sa-ramai 920 orang dari murid2 itu ada-lah-lah dari Brunei Satu; 811 dari Brunei Dua; 388 dari Brunei Tiga; 336 dari Tutong Satu; 154 dari Tutong Dua, 521 dari Daerah Belait dan 190 dari Daerah Temburong.

Sa-ramai 31 orang murid yang terpilih ka-Sekolah Menengah Arab Hassanul Bol-

Kawasan Pasar Malam dalam pembinaan

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Kerja2 untuk membersekan satu kawasan dan kerja2 failing telah di-mulakan sejak 1hb. Disember lalu di-Jalan Residency, untuk di-jadikan kawasan Pasar Malam.

Ia-nya di-anggarkan menelan belanja hampir 2 \$200,000.00 dan di-jangka siap dalam bulan September tahun hadapan.

Pasar Malam itu mengandungi dua jambatan konkret di-Sungai Brunei bagi mereka yang menjual barang2 yang menggunakan sampan.

Lebih 500 tempat meletak kereta akan di-sediakan di-kawasan itu bagi kemudahan2 orang ramai membeli barang2 di-pasar malam itu.

Ia-nya akan mempunyai taman bunga, bangku tempat duduk dan di-tengah2 kawasan itu akan di-bina sa-buah panchatan ayer yang di-hadiahkan oleh Persekutuan Guru2 Melayu Brunei.

Pasar Malam itu di-bawah projek Jabatan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan dan kerja2 pembinaan-nya diawasi oleh Jabatan Kerja Raya.

kiah dan Raja Isteri Anak Damit juga akan memulakan pelajaran mereka di-sekolah2 itu pada pertengahan bulan Januari tahun depan.

Lima-belas orang dari mereka belajar di-Sekolah Menengah Arab Hassanul Bolkiah dan lain-nya di-Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Anak Damit.

629 ORANG JEMAAH HAJI BERLEPAS KA-MEKAH



GAMBAR ATAS: Sa-bahagian dari jemaah2 haji dalam rombongan kedua menunggu giliran untuk menaiki kapal terbang yang di-sewa khas itu.

GAMBAR KIRI: Jemaah2 haji menaiki kapal terbang sambil melambai2kan tangan untuk mengucapkan selamat tinggal kepada saudara mara mereka buat sementara waktu.

SA-RAMAI 629 orang jemaah haji Brunei telah bertolak ka-Mekah dalam dua penerbangan khas pada minggu lalu.

Kapal terbang jenis 'L — 1011 TriStar' kepunyaan Court Line Aviation Limited membawa 401 orang jemaah haji dalam rombongan pertama pada hari Isnin 3hb. Disember manakala pada hari Rabu kapal terbang yang sama membawa sa-ramai 228 orang jemaah haji.

Jemaah2 haji yang bertolak pada 3hb. Disember di-jadualkan pulang sa-telah selesai menunaikan fardhu haji pada 24hb. Januari sementara jemaah2 haji yang bertolak pada 5hb. Disember di-jadualkan tiba di-Brunei pada 28hb. Januari, 1974.

Sementara itu sa-puchok kawat yang di-terima oleh Jabatan Hal Ehwal Agama menyatakan bahawa semua jemaah2 haji yang bertolak dengan kapal terbang itu telah selamat sampai di-Jeddah.

Lebeh 30 orang di-daftar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-takat ini Jabatan Kebajikan Masyarakat Brunei telah menerima pendaftaran lebeh dari 30 orang peserta untuk menyertai kursus pimpinan belia yang akan di-adakan di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan dari 18hb. hingga 31hb. Disember ini.

Setia Usaha persatuan Belia yang belum lagi menghantar borang2 untuk menyertai kursus tersebut hendaklah menghantar ka-Jabatan Kebajikan Masyarakat Brunei, di-Bandar Seri Begawan dengan sa-berapa segera.

Bintang Radio: 237 peserta masuk bertanding

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 237 orang penyanyi termasuk 52 orang wanita akan mengambil bahagian dalam Pertandingan Bintang Radio 1973. Pertandingan itu di-anjarkan oleh Perkhidmatan Melayu Radio Brunei.

Setia Usaha Pertandingan itu menyatakan bahawa pemilehan pertama akan di-adakan di-stadio Radio Brunei di-Bandar Seri Begawan pada 14hb. dan 16hb. Disember mulai jam 9.00 pagi. Sa-jumlah 117 orang peserta dari Daerah Brunei/Muara dan Temburong akan mengambil bahagian dalam saringan pertama itu.

Pemilehan kedua bagi 30 orang peserta dari Daerah Tutong akan di-adakan pada 21hb. Disember di-Dewan Sekolah Inggeris Sufri Bolkih. Tutong mulai jam 9.00.

Bagi 32 orang peserta dari

Daerah Belait, pemilehan akan di-adakan pada 23hb. Disember bertempat di-stadio Radio Brunei Kuala Belait mulai jam 9.00 pagi.

Peraduan saparoh akhir akan di-adakan hujung bulan ini dan peraduan akhir di-jadualkan akan di-adakan dalam pertengahan bulan Januari hadapan.

Bilangan peserta tahun ini ada-lah yang paling banyak di-bandingkan dengan bilangan peserta di-tahun2 yang sudah. Pada tahun lalu hanya 119 orang memasuki pertandingan tersebut.

**MENDERMA-LAH
KAPADA TABONG
PEMBINAAN
STADIUM**

3,320 orang masuk sekolah tahun depan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Semua sekolah2 Melayu, ugama dan maktab2 di-seluruh negeri akan di-tutup mulai 21hb. Disember ini, kerana chuti akhir tahun persekolahan dan di-buka semula pada 2hb. Januari tahun depan.

Sementara itu, sa-ramai 3,320 orang murid baru termasuk 1,620 orang perempuan akan masuk ka-sekolah2 ren-

dah Melayu tahun depan.

Sa-ramai 920 orang dari murid2 itu ada-lah-lah dari Brunei Satu; 811 dari Brunei Dua; 388 dari Brunei Tiga; 336 dari Tutong Satu; 154 dari Tutong Dua, 521 dari Daerah Belait dan 190 dari Daerah Temburong.

Sa-ramai 31 orang murid yang terpilih ka-Sekolah Menengah Arab Hassanah Bol-

Kawasan Pasar Malam dalam pembinaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerja2 untuk membersihkan satu kawasan dan kerja2 failing telah di-mulakan sejak 1hb. Disember lalu di-Jalan Residency, untuk di-jadikan kawasan Pasar Malam.

Ia-nya di-anggarkan menelan belanja hampir 2 \$200,000.00 dan di-jangka siap dalam bulan September tahun hadapan.

Pasar Malam itu mengandungi dua jambatan konkrit di-Sungai Brunei bagi mereka yang menjual barang2 yang menggunakan sampan.

Lebeh 500 tempat meletak kereta akan di-sediakan di-kawasan itu bagi kemudahan2 orang ramai membeli barang2 di-pasar malam itu.

Ia-nya akan mempunyai taman bunga, bangku tempat duduk dan di-tengah2 kawasan itu akan di-bina sa-buah pan-chutan ayer yang di-hadiahkan oleh Persekutuan Guru2 Melayu Brunei.

Pasar Malam itu di-bawah projek Jabatan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan dan kerja2 pembinaan-nya diawasi oleh Jabatan Kerja Raya.

kiah dan Raja Isteri Anak Damit juga akan memulakan pelajaran mereka di-sekolah2 itu pada pertengahan bulan Januari tahun depan.

Lima-belas orang dari mereka belajar di-Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkih dan lain-nya di-Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Anak Damit.

SALAH satu perkara yang paling susah dan paling selalu di-hadapi oleh manusia ia-lah mengendalikan hawa nafsu, kerana kehendak hawa nafsu itu tidak mengira halal atau pun haram, maka untong dan rugi-nya sa-seorang ada-lah bergantung kepada kesanggupan mengendalikan hawa nafsu-nya. Untuk mengendalikan hawa nafsu itu kita umat Islam mesti-lah ada ilmu pengetahuan, fikiran yang sehat dan tenang dan berpandu kepada ajaran2 agama yang benar.

Allah Subhanahu-Wataala telah berfirman dalam Al-Quran yang bermaksud:

"Dan barang yang kamu tidak sukai terkadang2 membawa kebajikan bagi kamu dan barang yang kamu sukai, terkadang2 membawa kerugian bagi kamu, dan Allah mengetahui sedangkan kamu tidak mengetahui".

Dalam ayat Quran tadi mengandung beberapa hikmat bagi manusia asal sahaja di-hadapi dengan sebaik2-nya. Apabila mengetahui bahawa di-sebalek perkara yang tidak di-sukai kadang2 ada kebajikan di-dalam-nya dan di-sebalek perkara yang di-sukai kadang2 ada kerugian-nya, nescaya ia akan berhati2 dan berwaspada bilamana ia mendapat kesenangan dan tidak pula merasa berputus asa



TIGA orang — dua orang lelaki dan sa-orang perempuan telah memelok Ujama Islam dalam bulan lepas.

Mereka ia-lah Edward Malu-jang bin Kismun, sa-orang Kadazan. Beliau memilih nama Islam-nya sa-bagai Yahya bin Abdullah; Dayang Sumbing binte Naweh. — Dusun beliau memilih nama Dayang Noraini binte Naweh dan Edward Geoffrey Graeme, Erusian. Beliau memilih nama Sofian bin Abdullah bagai nama Islam-nya.

Majlis mengislamkan mereka itu telah di-laksanakan oleh pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ujama.



KHUTBAH JUMA'AT

Untuk mengendalikan hawa nafsu, kita perlu mempunyai ilmu pengetahuan, fikiran yg sehat dan berpandu kpd ajaran2 agama yg benar

untuk mendapat senangan di-samping menghadapi kesukaran dan kesulitan, kerana manusia tidak mengetahui de-

ngan pasti akibat dari sesuatu perkara yang timbul, hanya-lah Allah Subhanahu-Wataala yang mengetahui-nya.

Dengan berdasarkan pedoman ini maka tidak-lah ada yang berfaedah bagi manusia sa-lain daripada menjalankan perintah Allah sekalipun pahit dan berat pada mula-nya tetapi akibat-nya ada-lah kebajikan dan kesenangan serta rahmat belaka. Yang demikian itu memang tidak di-sukai oleh hawa nafsu.

Sebalek-nya tidak-lah ada sesuatu perbuatan yang lebeh merugikan daripada melanggar larangan Allah sekalipun hawa nafsu sangat menyukainya, kerana akibat-nya adalah bahaya, kesengsaraan, kerugian dan azab. Bagi orang yang bijaksana ia tetap memilih dan rela menanggung kesengsaraan dan kesusahan yang sa-bentar untuk mendapatkan kesenangan besar dan kebajikan yang kekal. Dan

Kehendak hawa nafsu tidak mengira halal atau haram

ia rela menyingkirkan kesenangan yang sa-bentar untuk menjauhkan dari bahaya besar dan kerugian yang kekal.

Orang yang bijaksana memandang sa-suatunya sampai kepada akibat-nya dalam akibat itu-lah ia melihat burok dan baik-nya sa-suatunya perbuatan bukan permulaan-nya.

Sa-bagai umat Islam, kita hendak-lah memandang perintah2 Tuhan sa-bagai ubat yang muzrab sekalipun rasa-nya pahit tetapi mengandung ubat yang menyembuhkan penyakit dan menyehatkan badan. Sa-tiap kali hawa nafsu-nya melarang makan kerana pahit-nya, maka akal bekerja menyuruh-nya makan kerana di-dalam-nya ada akibat dan sehat yang boleh menghilangkan segala kepahitan itu.

Demikian-lah hendak-nya kita mengendalikan hawa nafsu. Mudah2an dengan tetap menjalankan perintah dan petunjuk agama keadaan kita menjadi baik dan selamat dari segala kejahatan dan Allah tetap memberi pimpinan kepada orang2 yang mematohi ajaran2-nya.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 12hb. Disember, hingga ka-hari Selasa 18hb. Disember, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Hari	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Subuh Terbit
12hb. Dis.	12-20	3-39	6-16	7-30	4-46	5-01 6-19
13hb. Dis.	12-20	3-39	6-16	7-30	4-46	5-01 6-19
14hb. Dis.	12-20	3-39	6-16	7-30	4-46	5-01 6-19
15hb. Dis.	12-20	3-39	6-16	7-30	4-46	5-01 6-19
16hb. Dis.	12-23	3-42	6-18	7-33	4-49	5-04 6-22
17hb. Dis.	12-23	3-42	6-18	7-33	4-49	5-04 6-22
18hb. Dis.	12-23	3-42	6-18	7-33	4-49	5-04 6-22

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

31 orang masuk ka-sekolah Arab tahun depan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 31 orang penuntut lelaki dan perempuan dari sekolah2 Ujama di-seluruh negeri telah di-pilih untuk melanjutkan pelajaran mereka ka-Sekolah Menengah Arab

Hassanal Bolkiah dan Raja Isteri Anak Damit tahun depan.

Sa-ramai 15 dari penuntut itu akan belajar di-Sekolah Menengah Hassanal Bolkiah dan yang lain-nya akan menyambung pelajaran mereka

di-Sekolah Menengah Raja Isteri Anak Damit.

Penuntut2 itu akan memulakan pelajaran mereka dalam minggu pertama bulan Januari tahun depan.

12hb. Disember, 1973.

JALAN RAYA BUKAN GELANGGANG MAUT

BOLEH di-katakan sa-tiap terjadi-nya kemalangan di-jalan raya sering benar kita mendengar ada di-antara mereka mendapat chedera parah atau menemui maut dengan serta merta.

Malapetaka itu terjadi ta' lain dan ta' bukan berpuncha dari kelalaian, tidak berhati2, chuai dan tidak memetohi peratoran dan undang2 lalu lintas.

Kalau-lah semua peratoran2 itu sentiasa di-jaga dan di-pe-tohi, neschaya pemandu2 sekurang2-nya akan terselamat dari maut, terselamat dari sa-barang bahaya di-jalan raya dan kejadian2 yang tidak di-ingini mungkin segera dapat di-elakkan.

Sa-bagai mithalan, trajidi kemalangan di-jalan raya yang paling dashat minggu lalu mengakibatkan lima nyawa menjadi korban ada-lah gajala2 yang boleh di-sifatkan kurang berminat dengan peratoran dan akibat-nya bahaya telah timbul.

Peristiwa2 yang paling dashat dan ngeri biasa terjadi di-mana2 dan pada bila2 masa sebab di-tangan pemandu-lah timbul-nya bahaya dan di-tangan mereka juga terjamin-nya keselamatan.


Memandang keadaan yang kian memunchak ini, langkah2 yang di-buat oleh Jabatan Kenderaan Darat untuk memanggil pemandu2 yang di-dapati chuai bagi menjalani ujian memandu semua baru2 ini ada-lah satu langkah yang berpatutan dan kena pada masa-nya.

Dengan jalan memanggil pemandu2 yang tidak mengikut peratoran di-jalan raya untuk ujian semula dapat-lah di-pastikan sa-bagai satu amaran berkesan kerana ada-lah di-takuti jika langkah2 demikian tidak di-ambil mungkin perbuatan mereka lebeh burok lagi.

Pihak Polis dan pihak Jabatan Kenderaan Darat akan mengesan pemandu2 yang chuai, memandu dengan laju yang tidak mengindahkan pengguna2 jalan raya lain-nya.

Langkah ini di-ambil bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya yang semakin bertambah di-negeri ini.

Kita juga dapat mengagak sa-tiap terjadi-nya kemalangan berpuncha dari laju dan dalam kelajuan itu amat sukar dapat mengawal atau mengelakkan sa-barang bahaya, umpama kerusakan jentera dengan serta merta, tyre buchor dan sa-umpama-nya, malah di-saat2 ke-chemasan itu-lah biasa terjadi kemalangan sama ada chedera ringan, chedera parah atau menemui maut dengan serta merta.



Rombongan Penghulu2 dan Ketua2 Kampong ketika berada di-pantai Seria. Syed Ahmad menerangkan kepada mereka sebab2 mengapa beberapa kawasan pantai Seria itu di-tembok.



Penghulu2 dan Ketua Kampong itu juga telah di-bawa melawat ka-salah sa-buah telaga minyak. Gambar atas menunjukkan pelawat2 itu di-beri penerangan oleh Syed Ahmad mengenai dengan telaga tersebut.



Sa-telah melawat ka-beberapa kawasan di-sekitar padang minyak itu, rombongan Penghulu dan Ketua2 Kampong itu telah berehat dan menikmati jamuan makan tengah hari di-Kelab Shell.

LAWATAN PENGHULU2 DIN KETUA2 KG KA-PADANG MINYAK

SATU rombongan yang terdiri dari Penghulu dan Ketua Kampong di-Daerah Brunei/Muar dan kakitangan Pejabat Daerah Brunei/Muar, telah mengadakan lawatan ka-padang minyak di-Seria pada hari Selesa minggu lalu.

Rombongan sa-ramai 24 orang itu telah diketuai oleh Penolong Pegawai Daerah Brunei/Muar, Awang Jaya bin Abdul Latif.

Rombongan tersebut tiba di-Pusat Penerangan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad pada jam 9.45 pagi dan sa-jurus kemudian mereka telah di-berikan penerangan oleh Pegawai Penerangan, Syed Ahmad Fadzluhan Ali mengenai urusan2 kerja yang di-laksanakan oleh sharikat itu.

Mereka juga telah menyaksikan tayangan filem 'Oil Search' dan sa-buah filem mengenai kemajuan usaha bersama Gas Chechair Asli Brunei-Jepun 'Heat From The Cold'.

Sa-telah itu mereka telah di-bawa melawat beberapa kawasan perusahaan di-sekitar padang minyak Seria.

Sa-telah ber-rehat dan menikmati jamuan makan tengah hari, pelawat2 itu telah bertolak ka-Sinait untuk lawatan ka-Pusat Pertanian Sharikat itu.

Ketibaan rombongan itu telah di-sambut oleh Ketua Projek Pertanian Sharikat Minyak Shell, Awg. J. St. J. Groome dan seterusnya menyampaikan chedera mengenai projek2 yang di-usahakan di-pusat itu.

Rombongan Penghulu2 dan Ketua Kampong itu juga diperluang melawat ka-beberapa kawasan yang di-usahakan di-pusat itu. Dalam lawatan itu mereka telah di-iringi oleh Penyelia Pusat Pertanian Sharikat Minyak Shell, Awang Sulaiman bin Datu Mo-hammed dan beliau juga memberikan penerangan mengenai dengan usaha2 yang di-jalankan di-pusat itu.



Rombongan Penghulu2 dan Ketua2 Kampong ketika mendengar penerangan mengenai urusan kerja Sharikat Minyak Shell yang di-sampaikan oleh Pegawai Penerangan sharikat itu, Syed Ahmad Fadzluhan Ali di-Pusat Penerangan sa-belum mereka di-bawa melawat ka-beberapa kawasan perusahaan.

Telaga yang di-lawati oleh Penghulu2 dan Ketua2 Kampong di-ambil sa-chara dekat.



Rombongan tersebut ketika berada di-Pusat Pertanian Sharikat Minyak Shell di-Sinait. Gambar atas menunjukkan mereka sedang di-beri penerangan oleh Penyelia Pusat itu, Awang Sulaiman mengenai dengan kegiatan2 yang di-usahakan di-pusat itu.



Syed Ahmad Fadzluhan Ali menerangkan sa-suatu kepada Penghulu2 dan Ketua Kampong dalam lawatan mereka ka-salah satu kawasan perusahaan di-padang minyak Seria.

14 orang guru hadhiri kursus b-Inggeris di-S.M. Amar Pahlawan

BERAKAS. — Kursus kaedah mengajar bahasa Inggeris telah di-adakan di-Sekolah Melayu Amar Pahlawan dan di-Sekolah Persediaan Inggeris Amar Pahlawan Berakas.

Guru Besar Sekolah Melayu Amar Pahlawan, Awang Abdul Samad bin Kahar telah merasmikan kursus tersebut.

Sa-ramai 14 orang guru, termasuk 5 orang perempuan, dari 14 buah sekolah termasuk Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan telah menghadiri kursus yang berjalan sa-lama dua minggu itu.

Kursus itu di-kelolakan oleh Awang M.T. Williamson dan di-bantu oleh Pegawai2 Bimbingan ia-itu Awang Jacob Chin, Dayang Tan Mai Lin, Awang Abdul Ghafar Salim dan Dayang Barbara Allinson.

Majlis perjumpaan

KUALA BELAIT. — Satu majlis perjumpaan pemimpin2 belia di-Daerah Belait telah di-adakan di-Dewan Kemasyarakatan Kuala Belait pada minggu lalu.

Majlis perjumpaan itu bertujuan untuk bertukar2 pendapat dan merapatkan lagi perhubungan antara Majlis Belia2 Negeri Brunei dengan Persatuan2 gabungan-nya di-Daerah Belait.

Tayangan wayang gambar J.P.P.

JABATAN Penyiaran dan Penerangan akan mengadakan tayangan wayang gambar di-tempat2 dan tarikh2 seperti di-bawah ini:

Hari ini 12hb. Disember pertunjukkan akan di-adakan di-Kampung Lumaling, di-Sekolah Melayu Rampayoh dan di-Sekolah Melayu Bukit.

Pada 13hb. Disember, pertunjukkan akan di-adakan di-Sekolah Melayu Lumapas, Sekolah Melayu Semabat dan Kampung Kuala Unggar.

Pertunjukkan juga akan di-adakan di-Kampung Menengah pada 14hb. Disember; di-Sekolah Melayu Ukong pada 15hb. Disember dan di-Sekolah Melayu Anggerek Desa pada 16hb. Disember.

Pada 17hb. Disember, di-Sekolah Melayu Kiulap, di-



GAMBAR atas menunjukkan Puan W.J. Moxcey, isteri Ketua Jabatan Keselamatan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad sedang menyampaikan piala kepada Awangku Tajuddin bin Pengiran Othman, pemenang peraduan kechergasan bahagian perseorangan.

Peraduan kechergasan itu dianjurkan oleh Pasukan Bomba Bandar Seri Begawan dan telah di-adakan di-lapangan terbang lama di-Berakas pada hari Sabtu lepas.

Enam buah pasukan bomba termasuk dua dari Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad telah mengambil bahagian dalam peraduan tersebut.

Lima terbunuh dalam kemalangan jalanraya

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lima orang telah terbunuh dalam satu kemalangan jalanraya di-batu 243, Jalan Tutong pada hari Rabu lepas.

Tiga orang yang terkorban itu telah meninggal dunia dengan serta merta di-tempat kemalangan itu, sa-orang meninggal dunia sa-telah di-masokkan ka-rumah sakit sementara sa-orang lagi telah meninggal dunia 24 jam kemudian.

Dua orang penumpang yang lain telah mendapat cedera dan di-masokkan ka-rumah sakit.

Keluarga malang itu yang menaiki sa-buah kereta adalah dalam perjalanan pulang ka-Seria sa-telah menghantar keluarga mereka menunaikan fardhu haji apabila kereta itu berlanggar dengan sa-buah bas.

Komplek perumahan di-Temburong siap

TEMBURONG. — Kerja2 pembinaan sa-buah komplek perumahan pegawai2 kerajaan di-Bangar Baru, Daerah Temburong yang menelan belanja lebih dari \$450,000 telah selesai.

Komplek itu mengandungi 4 unit kuarters kelas 'B'; sa-buah blok kuarters kelas 'C' dan dua buah blok barek lapang unit. Ia-nya akan menempatkan pegawai2 kerajaan di-Daerah Temburong.

Brunei sertai perlawanan b-sepak sekolah2 Asia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei akan menghantar satu pasukan bola sepak ka-perlawanan bola sepak sekolah Asia yang ke-4 yang akan berlangsung di-Taipei dalam pertengahan bulan ini.

Pasukan Brunei yang mengandungi 21 orang pemain yang di-pilih dari sekolah2 mene-

ngah di-negeri ini dan beberapa orang pegawai di-jadualkan bertolak ka-Taipei hari ini.

Brunei juga telah menyertai perlawanan Bola Sepak Sekolah2 Asia yang ke-3 yang telah berlangsung di-Bangkok tahun lepas.

Di-Temburong hari ini

TEMBURONG. — Pegawai2 dari Jabatan Pendaftaran Kebangsaan bahagian kad2 pengenalan akan berada di-Pekan Bangar, Daerah Temburong hari ini, 12hb. Disember, untuk mengeluarkan kad2 pengenalan kepada penduduk2 di-daerah itu.

Penduduk2 di-Daerah Temburong yang ingin memohon kad2 pengenalan di-kehendaki datang ka-Jabatan Imigresen, Pekan Bangar.

Pulang sa-telah menghadiri kursus di-U.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga orang Merinyu Pulis Diraja Brunei telah tamat menjalani satu kursus sa-lama 20 minggu di-United Kingdom.

Mereka ia-lah Mohammad

bin Haji Zainal Abiddin, Mohammad Suot bin Moksin dan Mohammad Freddie Chong.

Mereka telah menjalani satu kursus kajian awal Undang2 dan teknik2 menchegeh jenayah dan alat2 di-Sekolah

Latehan Pulis Metropolitan Insp. Mohammad bin Haji Zainal Abiddin dan Insp. Mohammad Suot bin Moksin tiba di-Brunei pada minggu lalu sementara Insp. Mohammad Freddie Chong akan pulang tidak lama lagi.

SOKONG-LAH TABONG PEMBINAAN STADIUM

JAWATAN² KOSONG

Sa-bagai Tukang Panjat

Pemohonan² ada-lah di-pelawa daripada chalu² yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan kosong sa-bagai Tukang Panjat di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

Kelayakan²:

Mesti-lah boleh memanjat tiang (mast) untuk membuat kerja² memeriksa dan membaiki hingga satinggi lebih dari 200 kaki. Boleh membuat kerja² sambungan pada tali dawai, lain² kelengkapan dan "insulators" yang di-gunakan pada tali temberang. Pengalaman dalam kerja² mendirikan tiang² yang menggunakan tali temberang adalah satu kelebihannya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB.3 \$220x10-250 / 260x10-290/EB/300x10-350.

Pemohonan² mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 30hb. Januari, 1974.

Di-Jabatan Hal Ehwal Ugama

Pemohonan² ada-lah di-pelawa daripada chalu² yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan² kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

- IMAM (1 jawatan) — Bagi Mesjid Kampong Kupang, Tutong.
- BILAL (1 jawatan) — Bagi Mesjid Kampong Lamunin, Tutong.
- BILAL (1 jawatan) — Bagi Mesjid Birau, Tutong.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon² yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid yang berkenaan.

Kelayakan²:

- Pemohon² mesti-lah berumur antara 20 hingga 45 tahun dan mahir dalam membaca Al-Quran dan mengetahui rukun² Islam. Mereka mesti-lah bersedia menghadapi satu peperiksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.
- Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Keparah bila² masa di-kehendaki.

Gaji:

Dalam sukatan gaji ada-lah seperti berikut:-

Jawatan IMAM — U.4 — \$280 x10-390-410x10-560.

Jawatan BILAL — U.2 — \$220 x10-390-410x10-430.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama² permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan² mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 28hb. Januari, 1974.

SA-BAGAI KERANI/PENTERJEMAH CHINA

Pemohonan² ada-lah di-pelawa daripada chalu² yang berkelayakan bagi jawatan Kerani/Penterjemah China di-Jabatan Pulis Diraja, Brunei.

Hanya chalu² yang mempunyai kelayakan² sekolah di-kehendaki memohon.

Kelayakan²:

- Lulus Senior Middle Chinese

Sa-bagai J-rawat Terlatah dan Jururawat

Pemohonan² ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan² kosong sa-bagai Jururawat Terlatah dan Jururawat di-Jabatan Perubatan, Brunei.

Kelayakan²:

Jururawat Terlatah: Mesti-lah terdiri dari Jururawat² yang berdaftar serta mempunyai kelayakan² yang di-akui.

Jururawat: Mesti-lah terdiri dari Jururawat² yang berdaftar serta mempunyai kelayakan² yang di-akui; dan mesti-lah Bidan² yang berkelayakan yang mempunyai kelulusan² yang di-akui.

Gaji:

Jururawat Terlatah: Dalam sukatan gaji D.3 — \$410x20-510.

Jururawat: Dalam sukatan gaji D.4 — \$540x20-660.

Temuduga:

Temuduga bagi pemohon² yang di-terima akan di-atorkan tidak lama sa-lepas permohonan² diterima.

Di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan

Pemohonan² ada-lah di-pelawa daripada chalu² yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan memenohi jawatan² kosong yang berikut di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

I) PEMBERITA:

Kelayakan² dan Pengalaman:

Pemohon² hendak-lah lulus sekurang²-nya Sijil Pelajaran Malaysia atau yang sa-banding dengan-nya. Kebolehan menaip ada-lah satu kelebihannya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.3 EB.4 — \$410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan² dan pengalaman.

II) PEGAWAI KECIL TEKNIK JAWATAN RENDAH:

Kelayakan² dan Pengalaman:

Pemohon² mesti-lah lulus sekurang²-nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya.

dan Overseas School Certificate dengan mendapat kepujian dalam bahasa Inggeris dan bahasa China atau yang sa-banding.

- Berpengalaman dalam pekerjaan menterjemah.

Tugas²:

Menterjemah surat² dari bahasa Inggeris ka-bahasa China dan sa-

balek-nya serta sebarang tugas² kerani yang lain.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.2 — \$710 30-950. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan² dan pengalaman.

Sharat² Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perhubungan sa-lama 6 bulan. Chalun yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas menjalani satu tempoh perhubungan.

Baksis:

Bagi Chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap² bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Pemohonan² mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama² dengan salinan surat² aukan dan sijil² tidak lewat dari 31hb. Disember, 1973.

Sa-bagai Ketua Tukang Masak

Pemohonan² ada-lah di-pelawa daripada chalu² yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Ketua Tukang Masak di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan² dan Pengalaman:

- Pemohon² mesti-lah terdiri dari orang² Melayu, berumur tidak kurang dari 30 tahun dan mempunyai pengalaman memasak di-Mess/Kantin atau restoran.
- Mesti-lah mempunyai pengalaman menyelia tukang² masak, menjaga dan memeriksa barang² yang di-bekalkan dan menyediakan jadual² makanan serta makan minum.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB.3 — \$220x10-290/EB/300x10-350.

Pemohonan² mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 28hb. Januari, 1974.

Sa-bagai Pembantu Teknik di-Jabatan Kerja Raya

Pemohonan² ada-lah di-pelawa daripada chalu² yang berkelayakan untuk memenohi jawatan² kosong sa-bagai Pembantu Teknik di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Kelayakan² & Pengalaman:

Pemohon² mesti-lah mempunyai Sijil City and Guilds Intermediate atau kelayakan² tempatan lain yang sa-banding dengan-nya. Pemohon² mesti-lah mempunyai sakurang²-nya 2 tahun pengalaman praktik dalam pembinaan dan/atau pemeliharaan ranchangan² saloran najis.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.3 EB.4

— \$410x20-510 / EB / 540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan² dan pengalaman.

Sharat² Lantekan:

Chalun² yang berjaya yang bukan terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun dan termasuk masa perhubungan sa-lama 6 bulan. Chalun² yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas menjalani satu tempoh perhubungan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalu² yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis

sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap² bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir² mengenai sharat² perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Pemohonan² mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama² dengan salinan surat² aukan dan sijil² tidak lewat dari 17hb. Januari, 1974.

PENGARAH D.B.P. AKAN MERASMIKAN PERADUAN BAHAS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri akan merasmikan Peraduan Bahas Perengkat Negeri bagi Sekolah2 Menengah dan Maktab2 di-Dewan Raya di-sini pada hari Sabtu 15hb. Disember mulai jam 8.45 pagi.

Peraduan tersebut di-bahagikan kepada tiga bahagian ia-itu Bahagian Sekolah2 Menengah Atas lelaki dan perempuan; Bahagian Sekolah2 Menengah Bawah lelaki dan perempuan dan Bahagian Sekolah2 Rendah lelaki dan perempuan.

Dalam peraduan Bahagian Sekolah2 Menengah Atas lelaki, Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan akan bertemu dengan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin; Maktab Anthony Abell Seria menemui Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan dalam bahagian perempuan.

Pasokan bahas lelaki dari Maktab Anthony Abell Seria akan menemui Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah dalam Bahagian Sekolah2 Menengah Bawah manakala bahagian perempuan, Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah akan menemui Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait.

Sekolah Melayu Pusu Ulak lelaki akan bertemu dengan Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah dan Sekolah Persediaan Inggeris Kilanas akan menemui Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah dalam bahagian perempuan.

Yang Mulia Datin Hajjah Siti Hara, isteri Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka akan menyampaikan piala2 dan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya dalam peraduan itu.

Memuchang2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ahli2 Persatuan Angkatan Kampong Setia dan penduduk2 Kampong Setia di-Bandar Seri Begawan akan mengadakan kerja "memuchang2" pada hari Jumaat 14hb. Disember untuk membersekan satu kawasan di-kampung itu bagi di-jadikan tapak bangunan mesjid.

Tanah sa-luas sa-tengah ekar untuk kawasan pembinaan mesjid di-Kampong Setia itu ada-lah di-wakafkan oleh waris2 Allahyarham Pehin Perdana Wangsa Haji Mohammad.

Sa-orang juruchakap persatuan itu menyeru ahli2 Persatuan Angkatan Kampong Setia dan penduduk2 di-Kampong Setia supaya hadir pada hari tersebut bagi menyumkan tenaga mereka untuk membersekan kawasan itu.



Perchubaaan memelihara udang galah di-kolam ikan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perikanan pada masa ini sedang membuat satu perchubaaan untuk memelihara udang galah di-kolam ternakan ikan di-Sungai Jambu.

Memerhati

(Dari muka 1)

ini bagi faedah mempersuaikan pentadbiran imigresen Brunei dengan negara2 jiran yang berkenaan.

Pegawai2 itu berlepas ka-Hong Kong untuk memerhatikan peratoran2 imigresen di-Jabatan Imigresen di-sana. Mereka kemudian berlepas ka Singapura bagi tujuan yang sama.

Semasa berada di-Hong Kong, pegawai2 itu telah memerhatikan pentadbiran Jabatan Imigresen termasuk kawalan lapangan terbang antara bangsa dan pelabohan2, kawalan sempadan dan juga chara2 menggesan orang2 yang tinggal sa-chara haram.

Mereka juga mengadakan perbincangan2 dengan pehak Jabatan Imigresen di-Hong Kong dan Singapura mengenai chara2 mengatasi masaalah2 biasa imigresen yang di-hadapi oleh Brunei dan di-ke-dua2 negara tersebut.

Majalah Belia

(Dari muka 1)

Persatuan2 Belia dan kebajikan, supaya menghantarkan laporan2 mereka, termasuk gambar2 yang menunjukan kegiatan yang di-jalankan oleh persatuan itu tahun ini. Laporan2 itu hendak-lah di-hantar ka-Jabatan Kebajikan Masyarakat di-Bandar Seri Begawan tidak lewat dari 16hb. Januari.

Sa-orang juruchakap di-Jabatan Perikanan berkata, peringkat perchubaaan memelihara udang galah telah di-buat di-Akuarium Hassanal Bolkiah di-Bandar Seri Begawan untuk mendapatkan telor2 yang boleh menetas.

Telor2 udang galah sa-telah menetas yang berumur lebeh sa-bulan akan di-pindahkan ka-Sungai Jambu untuk pemeliharaan.

Apabila perchubaaan memelihara udang galah itu di-dapati berjaya kemungkinan usaha2 tersebut akan di-perbesarkan lagi.

MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM

Sek. Pertukangan akan di-rasmi

KUALA BELAIT. — Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibol Kahar Pengiran Anak Md. Yusof sa-bagai wakil peribadi Y.T.M. Paduka Seri Duli Pg. Muda Jefri Bolkiah akan merasmikan pembukaan Sekolah Pertukangan Kejuruteraan Jefri Bolkiah di-sini pada hari Sabtu 15hb. Disember pada jam 2.00 petang.

Sekolah yang dulu-nya di-namakan Sekolah Pertukangan Kejuruteraan Kuala Belait telah mula dibuka dalam tahun 1970 dan mempunyai sa-ramai 60 orang penuntut pada ketika itu. Sa-ramai 56 orang lagi telah di-terima dalam pengambilan kedua dan sekarang menjadikan-nya 116 orang penuntut.

Penuntut2 itu mengikuti kursus perengkat menengah City and Guilds sa-lama tiga tahun. Mereka mengikuti berbagai kursus seperti latihan kejuruteraan kereta, latihan bengkel jentera, penyambungan besi dan rekaan, pe-

SETIA Usaha Agong Jawatan- kuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Mohd. Jamil Al-Sufri pada pagi semalam telah menerima wang tunai sa-banyak \$280.42 yang di-sampaikan oleh Dy. Fareda Pg. Radin selaku Penyelia Sekolah Asohan Kanak2 Jalan Dato Ibrahim; dan telah disaksikan bersama oleh Dayang Ratanam, Dayang Sahara bte Ahmad dan Dayang Mariam bte Abdullah. (Gambar atas)

Derma tersebut ada-lah dari hasil 'Jualan Amal' yang di-adakan baru2 ini di-sekolah tersebut dan di-sumbangkan sa-bagai menjun-jong titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan terhadap pembinaan stadium.

Pada masa menerima derma tersebut Yang Berhormat itu telah mengucapkan terima kasih dan memberikan sa-tinggi2 penghargaan di-atas usaha dan inisiatif yang telah di-jalankan oleh pegawai2 sekolah itu yang tidak mahu ketinggalan untuk menjun-jong titah Baginda dan menunjukkan semangat ta'at setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Yang Berhormat itu seterusnya berharap langkah yang sa-demiikian ini akan dapat menjadi contoh dan tauladan yang baik untuk di-ikuti oleh raayat dan penduduk negeri ini.

masangkan letrik, peti sejok dan hawa dingin dan kursus juruteknik talikom.

Pengetua Sekolah tersebut, Awang J.B. McRae berkata bahawa sa-ramai 44 orang penuntut dari pengambilan pertama itu telah lulus dalam peperiksaan City and Guilds yang di-adakan tahun ini.

Buroh di-kehendaki

PEJABAT Buroh Brunei berkehendakan dengan segera 10 orang buroh kasar.

Mereka yang berhajat untuk memohon kerja itu bolehlah mendaftarkan nama masing2 di-Pejabat Buroh, Bahagian Pertukaran Pekerjaan, Bandar Seri Begawan.